


GMI raih pingat perak di ITEX 2013



PELAJAR GMI Program Mechatronics di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-24 (ITEX 2013).

GERMAN-Malaysian Institute (GMI) yang menentang reka cipta inovasi enam pelajar telah berjaya meraih pingat perak di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-24 (ITEX 2013) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Pertandingan yang menawarkan lebih 23 kategori penciptaan dan inovasi turut memberi pengalaman berharga kepada para pelajar GMI kerana dapat melihat sendiri kecanggihan pasukan lawan dalam kalangan pemain industri.

GMI meraih pingat perak melalui inovasi produk yang dinamakan POLAR - Prototaip Robot Bantuan Sokongan Kaki hasil ciptaan enam pelajar tahun akhir Diploma Mechatronics iaitu Muhammad Syafiq Mohd. Yusof, Hazaimah Hashim, Mohd. Syahrin Fadzi Mohd. Yusof, Razrun Aizu Abd. Rashid, Ahmad Afiq Mohamad Takyuddin dan Muhammad Fitri Aminula.

Kejayaan tersebut secara tidak langsung membuktikan kemampuan cemerlang pelajar GMI peringkat diploma seiring pelajar peringkat ijazah khususnya dari institusi pengajian tinggi tempatan.

GMI berentap dengan nama-nama besar seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan juga institusi luar negara

khususnya dari Taiwan (Oriental Institute of Technology and China University of Science & Technology).

Pertandingan dan pameran yang diadakan selama lima hari bermula 9 hingga 11 Mei 2013 juga menyaksikan sebanyak 31 pasukan menyertai pertandingan bagi kategori rawatan khas dan rawatan kanak-kanak.

INFO

GMI menawarkan program peringkat diploma dalam bidang Perindustrian Elektronik dan Teknologi Pengeluaran dan Program Prauniversiti bagi pelajar yang mahu melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di rangkaian Universiti Sains Gunaan di Jerman.

PENGAMBILAN pelajar sesi Julai 2013 kini dibuka. Pelajar yang berminat boleh mendaftar secara dalam talian di www.gmi.edu.my/ onlineapp atau e-mel kepada marketing@gmi.edu.my

Tempat adalah terhad. Sebarang pertanyaan boleh hubungi GMI di talian 03-8921 9344/9288/9368.